DR. A. SOORIAN

lwn.

STANLEY PONNIAH NG & SOO (DISAMAN SEBAGAI FIRMA)

MAHKAMAH TINGGI, SEREMBAN
DATO' FAIZA TAMBY CHIK H.
[GS. NO. (PF) 228 TAHUN 1984]
23 FEBRUARI 1994

AMALAN & PROSEDUR: Permohonan mengenepikan penghakiman ingkar - Lanjutan masa - Samada terdapat kelengahan yang "contumelious" - Samada wujud kemudaratan yang tidak boleh dipampas.

Ini adalah permohonan oleh plaintif memohon perlanjutan masa untuk mengenepikan satu penghakiman ingkar kehadiran yang diperolehi oleh defendan terhadapnya pada 15 April 1992 di mana tuntutan plaintif dibuang dengan kos. Fakta menunjukkan bahawa permohonan untuk lanjutan masa hanya dibuat pada 23 Ogos 1993 dan isu yang timbul ialah pertama, samada terdapat dipihak plaintif kelengahan yang "contumelious" dan kedua, samada wujud kemudaratan yang tidak boleh dipampaskan dengan kos.

Diputuskan:

[1] Dalam kes ini plaintif telah mengupah P.S Ranjan & Co. sebagai Peguam barunya pada 12 Jun 1991 lagi. Oleh itu kelengahan Peguam memfailkan pertukaran Peguam, yang dibuat hanya pada 18 Mei 1993, iaitu sesudah defendan memperolehi penghakiman ingkar kehadiran yang berkenaan, adalah satu kelengahan yang tidak berpatutan. Kelengahan ini adalah jelas satu kelengahan yang "contumelious".

[2] Defendan juga telah mengalami kemudaratan yang tidak boleh dipampas dengan kos. Adalah jelas bahawa plaintif menuntut gantirugi am daripada defendan disebabkan kecuaian defendan memfailkan memorandum dan rekod rayuan dalam masa yang ditetapkan dan rayuan defendan untuk perlanjutan masa telah ditolak oleh Mahkamah Persekutuan. Adalah tidak teratur membiarkan sebuah firma Peguambela dan Peguamcara mengambil masanya sendiri tanpa penuh tanggungjawab untuk bertindak sementara sebuah lagi firma Peguambela dan Peguamcara menunggu tanpa kesudahan tindakan kecuaian yang dibawa oleh plaintif walaupun Peguamcaranya mengetahui wujudnya tindakan sivil yang berkenaan pada masa ianya diupah.

[Permohonan plaintif untuk perlanjutan masa ditolak].

Lain-lain sumber yang dirujuk:
Mallal's Supreme Court Practice, m.s. 866
Corderys Law Relating To Solicitors, m.s. 75

Bagi pihak plaintif - M. S. Dhillon; T/n. P. S. Ranjan & Co.
Bagi pihak defendan - D. Krishna; T/n. Nor Affiza, D. Krishna & Co.

ALASAN PENGHAKIMAN

Faiza Tamby Chik H:

Pada 15 April 1992 defendan telah memperolehi suatu penghakiman ingkar kehadiran terhadap plaintif di mana tuntutan plaintif telah dibuang dengan kos. Pada 23 Ogos 1993 permohonan plaintif untuk perlanjutan masa (lampiran 22) untuk membuat permohonan bagi mengenepikan penghakiman ingkar kehadiran tersebut telah dibenarkan di dalam kamar. Pada 23 Februari 1994 saya telah mendengar hujah lanjut mengenai permohonan plaintif untuk perlanjutan masa itu di Mahkamah dan setelah menimbangkan hujah bertulis yang dikemukakan terdahulu dan mendengar hujah lisan mereka pada hari ini saya mengakaskan (reverse) keputusan dalam kamar saya pada 23 Ogos 1993 dan dengan ini menolak permohonan plaintif dengan kos. Alasannya adalah seperti berikut.

Ada 3 perkara yang mesti ditimbangkan oleh Mahkamah iaitu:

(1) terdapatkah kelengahan;
(2) adakah kelengahan itu "contumelious"; dan
(3) adakah defendan mengalami kemudaratan yang tidak boleh dipampaskan dengan kos.

Dalam hal ini plaintif mengakui sendiri bahawa terdapat kelengahan. Soalnya adakah kelengahan itu berpatutan. Dapat diperhatikan bahawa plaintif telah mengupah Tetuan P.S. Ranjan & Co. mulai 12 Jun 1991 untuk mengendalikan kesnya. (lihat affidavit plaintif bertarikh 18 Mei 1993 - ekshibit "AS-1" dan "AS-5"). Adalah nyata juga daripada ekshibit-ekshibit AS-1 dan AS-5 itu bahawa Tetuan P.S. Ranjan & Co. telah mempunyai pengetahuan mengenai kes Sivil No.PF 228/84 semenjak,

setidak-tidaknya pada 12 Jun 1991. Dapat diperhatikan juga bahawa Tetuan P.S. Ranjan & Co. sungguhpun telah diupah oleh plaintif telah tidak memfailkan notis pertukaran Peguam di Mahkamah dan ini hanya dilakukannya sesudah defendan memperolehi penghakiman ingkar kehadiran tersebut bertarikh pada 15 April 1992. P.S. Ranjan & Co. memfailkan notis pertukaran Peguam hanya pada 18 Mei 1993. Saya berpendapat kelengahan Peguam plaintif memfailkan notis pertukaran Peguam itu adalah tidak berpatutan sama sekali, memandangkan bahawa Peguamcara tersebut mengetahui wujudnya kes Sivil No. PF 228/84 di Mahkamah setidak-tidaknya pada 12 Jun 1991. Hujah pihak plaintif bahawa Peguamcara barunya mahu menentukan kedudukan Peguamcara lamanya dahulu dengan menulis surat kepada Bar Council dan Tetuan Kandiah Chelliah & Partners tidak dapat melepaskan tanggungjawab Peguamcara barunya daripada memastikan daripada Mahkamah kedudukkan kes Sivil No. PF 228/84. Kegagalan Peguamcara barunya melakukan perkara ini terang-terangan adalah suatu kecuaiannya melakukan tanggungjawabnya sebagai Peguamcara. **Mallal's Supreme Court Practice** (muka surat 866) menyatakan, "No order of Court is necessary to effect a change by the parties in what is essentially a matter of contractual relationship of employment between the parties". Dan dalam buku **"Corderys Law Relating To Solicitors"** pada muka surat 75 dinyatakan, "A client may as a general rule change his solicitor when he wishes to do so, since the client may terminate a retainer at any time and employ whom he chooses ... and the new solicitor must see that his name is inserted on the record immediately." Dalam kes ini adalah nyata bahawa plaintif telah mengupah P.S. Ranjan & Co. sebagai Peguamcara barunya pada 12 Jun 1991. Dalam suasana di atas saya berpandangan bahawa kelengahan itu juga adalah "contumelious".

Akhir sekali dalam suasana kes ini saya berpendapat bahawa defendan telah mengalami kemudaratan yang tidak boleh dipampas dengan kos. Adalah jelas daripada pernyataan tuntutan plaintif bertarikh 11 Oktober 1984, bahawa plaintif menuntut gantirugi am daripada defendan disebabkan kecuaian defendan memfailkan memorandum dan rekod rayuan dalam masa yang ditetapkan dan rayuan defendan untuk perlanjutan masa telah ditolak oleh Mahkamah Persekutuan. Adalah tidak teratur dan berpatutan membiarkan sesebuah firma Peguambela dan Peguamcara mengambil masanya sendiri tanpa penuh tanggungjawab untuk bertindak sementara sebuah lagi firma Peguambela dan Peguamcara menunggu tanpa berkesudahan tindakan kecuaian yang dibawakan oleh plaintif walaupun Peguamcaranya mengetahui (iaitu P.S. Ranjan Co.) wujudnya tindakan sivil itu pada masa ianya diupah.

Atas alasan di atas permohonan plaintif untuk perlanjutan masa untuk mengenepikan penghakiman ingkar kehadiran tersebut ditolak dengan kos.